

# DBKL serbu empat lokasi, roboh struktur tambahan atas jalan awam

**KUALA LUMPUR** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan struktur tambahan di atas rizab jalan awam dalam Operasi Bersepadu di sekitar Jalan Sultan, Lorong Sultan, Jalan Tan Cheng Lock dan Jalan Hang Lekir di sini pada Sabtu.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan, tindakan diambil menerusi Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar serta Pejabat Cawangan Bukit Bintang, Lembah Pantai, Batu, Segambut, Bandar Tun Razak dan Cheras.

Turut terlibat, beberapa agensi sahabat lain seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas).

“Kesemua sisa struktur (yang telah dirobohkan) telah dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi yang dijalankan,” ujar DBKL di laman Facebook rasminya.

Tambah DBKL, pihaknya akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di-pautan <http://adukl.dbkl.gov.my/eApps/system/index.do>.



**Kesemua sisa struktur yang dirobohkan dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi.**